

Pembentukan Perwatakan dan Konflik Berdasarkan Mesej dalam Penulisan Karangan Naratif

Nur Alinah Ali

nur_alinah_ali@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Jurongville

Abstrak

Pelajar sering kali tidak mampu menulis sebuah karangan naratif dengan baik. Kelemahan yang ketara ini disebabkan jalan cerita atau plot yang kurang kemas atau terlalu biasa jalan ceritanya. Kelemahan ini sudah pasti akan menjejaskan markah karangan mereka. Kajian ini diharapkan dapat menyokong dan membantu pelajar menghasilkan plot karangan naratif yang lebih terikat dan mempunyai unsur-unsur nilai. Untuk mencapai tujuan ini, pelajar telah dilengkapi dengan teknik pengajaran penulisan karangan naratif yang memastikan pelajar mampu menghasilkan sekurang-kurangnya satu pengajaran atau mesej berdasarkan soalan yang diberikan. Pada masa yang sama, pelajar dikehendaki memilih satu watak yang berkait rapat dengan konflik agar dapat menyokong penyampaian pengajaran dengan jelas. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar menengah empat dan lima. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar mampu mempertingkatkan corak pemikiran dan mutu karangan mereka dengan baik.

Kata Kunci: jalan cerita, mesej, watak konflik, pengajaran, teknik penulisan



PENGENALAN

Ramai pelajar cenderung memilih tajuk karangan yang bercorak naratif jika dibandingkan dengan karangan deskriptif dan ekspositori. Ini dapat dilihat semasa mereka memilih tajuk karangan semasa peperiksaan. Pelajar yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik lazimnya dapat menulis dengan baik pasti akan memilih karangan naratif. Namun tidak ramai pelajar yang boleh menulis karangan naratif yang berkualiti. Ciri-ciri yang biasa dilihat dalam karangan para pelajar antaranya, plot yang hampir serupa dan berpusat pada tema serta permasalahan yang serupa. Misalnya, tema persahabatan dan percintaan amat digemari oleh para pelajar memandangkan usia mereka yang meningkat remaja. Tema yang sedemikian pula tidak lari daripada mengetengahkan watak remaja dan pelajar dengan permasalahan mereka yang begitu dekat di hati para pelajar ini.

Kreativiti dalam penulisan karangan naratif kelihatan begitu ketandusan. Kerap kali juga karangan pelajar kekurangan unsur pendidikan dalam bentuk pengajaran mahupun nilai murni. Banyak punca yang menyebabkan berlakunya masalah ini. Yang amat ketara ialah kekurangan membaca dalam kalangan pelajar. Punca-punca lain juga dapat dikesan daripada gaya hidup pelajar kini serta corak pemikiran mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini meneliti sebab-sebab yang mempengaruhi corak pemikiran pelajar untuk mengkaji perkara-perkara berikut:

1. kaitan antara corak pemikiran dengan penulisan naratif pelajar;
2. mengesan sifat permasalahan yang boleh ditangani dan diubah;
3. membentuk pengajaran kelas untuk mempengaruhi corak pemikiran pelajar terutamanya dalam meneliti soalan karangan naratif serta cara mereka memikirkan jalan cerita untuk menjawab soalan tersebut; dan
4. meneliti perubahan pada pengajaran/mesej dan plot karangan naratif setelah pelajar melalui pengajaran kelas yang berbeza.



PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini mengesan punca permasalahan penulisan naratif yang tidak kreatif ataupun kurang berkualiti. Ini penting diberikan perhatian kerana komponen penulisan karangan mempunyai pemberatan markah yang besar. Karangan naratif yang merupakan suatu pilihan popular dalam kalangan pelajar tetapi kurang terserlah pula kualiti penulisannya pasti akan menghambat peluang pelajar meraih gred bahasa Melayu yang cemerlang. Maka itu, kajian ini meneroka suatu teknik autentik yang dibina oleh pengkaji untuk menangani faktor-faktor yang menghambat pemikiran pelajar daripada menjadi lebih kreatif dalam menghasilkan penulisan yang mempunyai unsur pengajaran dan nilai.

KAJIAN LEPAS

Kajian dilakukan untuk meneliti perkara-perkara yang menjadikan sesebuah karangan naratif karya yang dianggap cemerlang. Menurut Raminah Sabran (2003), retorik penceritaan yang utuh mempunyai empat ciri utama, iaitu kesatuan, koherens, penekanan dan gaya. Untuk kajian ini, koherens merupakan ciri yang diberikan perhatian

Othman Puteh (2003) telah memberikan senarai semak dalam bentuk soalan bagi meneliti kualiti sesebuah karya naratif. Dua perkara yang relevan dengan kajian ini merupakan semakan tentang tema dan plot. Menurut beliau, tema dalam suatu karya naratif haruslah jelas tetapi tidak diberitahu kepada pembaca secara langsung. Tema dapat dikesan jika penceritaan membolehkan pembaca memberikan perhatian kepada watak dan konflik mereka. Plot pula, cetusan konflik haruslah sesuai dengan sebab akibatnya. Hubungan waktu dalam plot juga haruslah jelas. Misalnya, penulis harus pastikan bahawa teknik imbas kembali tidak mengelirukan pembaca untuk menelusuri urutan waktu.

Kepentingan pengajaran dalam suatu karya naratif ada ditekankan oleh Mana Sikana (2013) yang mengatakan bahawa sastera merupakan satu cerminan masyarakatnya. Maka itu, sebaik-baiknya karangan naratif harus mempunyai unsur-unsur pengajaran demi mendidik masyarakatnya atau mendatangkan suatu kepekaan mahupun kesedaran. Untuk meneliti fungsi



sastera sedemikian, sesebuah karya dapat dilihat dari sudut tekstual dan kontekstualnya. Tekstualnya mengkaji reka bentuk karya, misalnya watak, teknik pengolahan dan suasana karya tersebut. Aspek kontekstual pula melihat peranan karya tersebut dari sudut persekitaran, masyarakat, budaya, psikologi, pendidikan dan sebagainya.

Kajian ini dibentuk berdasarkan teori Lev Vygotsky (1999) yang menekankan tentang kepentingan bahasa dalam pembelajaran yang berlaku melalui situasi yang berteraskan aktiviti dan konteks sosial. Strategi pengajaran berdasarkan teori beliau menekankan bahawa pelajar perlu berada dalam situasi yang mana topik dan kemahiran yang dipelajari adalah dalam kemampuan penguasaannya yang dipanggil *zone of proximal development*. Keadaan ini dipengaruhi oleh faktor pengetahuan, motivasi dan ketaakulan. Pelajar dapat menguasai kemahiran yang diingini dengan bimbingan guru yang dikenali sebagai *scaffolding* atau perancah. Pemerancahan yang disediakan oleh guru terdapat lima bentuk, iaitu modelling, think aloud, soalan, mengadaptasi bahan pengajaran, serta prompts and cues.

KAEDAH KAJIAN


Pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan dalam menjalankan kajian ini. Kerja lapangan dijalankan sepenuhnya dalam kapasiti pengkaji sebagai seorang guru bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah. Korpus karangan naratif pelajar Menengah 4 dan 5 tahun 2015 seramai 58 orang diteliti untuk mendapatkan corak pemikiran berdasarkan plot penulisan mereka. Dalam jangka masa dua bulan, guru telah mencuba pelbagai teknik pengajaran untuk meningkatkan kualiti proses pemikiran pelajar demi mempengaruhi kualiti plot yang dibina oleh pelajar. Pengajaran kelas yang disampaikan berfokus pada perkara-perkara berikut:

1. teknik menganalisis soalan karangan naratif;
2. mengesan pengajaran utama dalam soalan karangan naratif;
3. membentuk pengajaran sampingan dalam perancangan karangan naratif;
4. membentuk konflik besar dalam plot untuk menyokong pengajaran;



5. membentuk konflik kecil dalam plot untuk menyokong konflik besar; dan
6. membentuk watak serta perwatakan untuk menyokong pengajaran.

Rajah 1: Pengajaran dalam Kelas



Semua pengajaran yang dijalankan merupakan suatu usaha eksperimental. Pembelajaran bermula dengan pengajaran (a) dan diikuti oleh (e) - (b). Walaupun para pelajar memahami keseluruhan pengajaran tetapi peningkatan dalam karangan naratif hanya terserlah bagi beberapa orang pelajar sahaja. Pengkaji mendapati pelajar-pelajar yang masih tidak menunjukkan peningkatan tidak dapat menunjukkan pertautan yang baik antara plot dengan pengajaran. Pelajar mengatakan bahawa mereka tidak tahu bagaimana pengajaran memainkan peranan penting dalam perkembangan plot. Maka itu, pengkaji membuat rombakan pada susunan pengajarannya bermula dengan pengajaran (a) - (e). Pada tahun 2016, pengkaji telah mencuba pengajaran kelas yang ditingkatkannya dengan sekumpulan kecil pelajar Menengah 5 seramai 10 orang.

Subjek kajian yang dipilih ini agak unik kerana mereka terdiri daripada dua kelompok pelajar yang berbeza latar belakang daripada segi pengalaman dalam pembelajaran bahasa Melayu. 5 orang pelajar dari kelas menengah lima ini telah menduduki Peperiksaan Bahasa Melayu peringkat 'O' sebanyak dua kali dan telah melalui pengajaran eksperimental yang dijalankan oleh pengkaji pada tahun 2015. 5 orang pelajar yang lain pula merupakan pelajar yang tidak terdedah kepada pengajaran eksperimental pengkaji dan menduduki



peperiksaan Bahasa Melayu peringkat 'N' pada tahun 2015. Ciri subjek kajian ini membolehkan pengkaji mengukur peningkatan dalam kumpulan pelajar yang melalui pengajaran pra dan pasca rombakan susunan pengajaran, serta melihat juga penerimaan oleh kumpulan pelajar yang tiada pengalaman pembelajaran karangan naratif seperti yang dijalankan oleh pengkaji.

Kajian pada tahun 2016 dimulakan dengan soal-selidik yang bertujuan untuk mengesan persepsi mereka terhadap kemampuan mereka menulis karangan naratif, corak pemikiran mereka dalam pemilihan watak, amalan bacaan serta rancangan televisyen yang ditonton. Pengkaji yakin bahawa corak pemikiran yang terbatas dipengaruhi oleh faktor-faktor yang membentuk pengalaman hidup mereka. Ini yang dimaksudkan sebagai *constructivism*:

"...is a view of learning and development that emphasizes the active role of the learner in building understanding and making sense of the world."

(Eggen & Kauchak, 1997)

Berdasarkan soal-selidik yang dijalankan dan juga pengamatan, pengkaji mendapati hanya seorang pelajar yang berada di atas *zone of proximal development*, 8 orang pelajar berada dalam lingkungannya dan seorang pelajar berada di bawah lingkungan ini. Masalah pelajar di bawah *zone of proximal development* ini berkait rapat dengan kebolehan rendah pelajar dalam penguasaan bahasa Melayu. Dalam setiap pengajaran, pengkaji menjalankan aktiviti kelas menggunakan teknik pemerancahan berdasarkan teori pembelajaran Vygotsky. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan juga menggunakan suatu konteks sosial. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan adalah seperti berikut:



Jadual 1: Kegiatan-kegiatan Penulisan

Masa	Tujuan	Aktiviti	Bahan	Perancangan**
1	Mengenalkan ciri-ciri karangan naratif	Mengenal bahagian plot secara ringkas.	Garis plot yang terperinci, Slaid	(5) digunakan untuk mencungkil dan menerapkan pengetahuan sedia ada.
2	Mengaplikasi garis plot dalam pemahaman cerita	Menonton sedutan Refleksi (informasi/drama) bertemakan dilema pelajaran dan bola sepak	Video (<i>Toggle</i>), Garis plot	Tema video yang diketahui oleh pelajar (4), Menguji pemahaman (3)
3	Pengajaran teknik menganalisis soalan.	Analisis soalan karangan naratif dengan mengenal pasti watak, konflik dan penyelesaian.	Soalan-soalan naratif	Tunjukkan teknik dan berikan langkah jika perlu. (1 dan 2)
4	Mengenalkan konsep pengajaran/ mesej dalam karangan naratif	Mengenal pasti pengajaran utama dan membina pengajaran sampingan berdasarkan soalan naratif, mengenal pasti pengajaran sampingan dalam video	Soalan-soalan naratif, video (aktiviti kedua)	Perbincangan dikaitkan dengan pengalaman/ pengetahuan pelajar (5), melihat daripada perspektif watak ibu dan anak (3)
5	Mengenal pasti kaitan konflik besar dan kecil dengan pengajaran sampingan	Menonton sedutan Refleksi (informasi/drama) bertemakan Dementia. Bincangkan perkara-perkara yang dipaparkan dalam video. Bina pengajaran sampingan.	Video (<i>Toggle</i>), Garis plot, slaid	Tema video yang kurang diketahui oleh pelajar (4), mengisi butiran dalam plot (3)
6	Penulisan karangan pertama	Menulis cerita berdasarkan soalan naratif dan berpandukan video tentang Dementia. Kerja dilengkapkan di rumah.	Video, garis plot	Tema Dementia (4), video sebagai panduan (1), tema dan watak dikekalkan (1)
7 dan 8	Mengenal fungsi watak dan pembinaan perwatakan dalam cerita	Pengajaran teknik membina watak dan perwatakan melalui asosiasi rupa, objek dan aksi.	Latihan bina watak – askar, pegawai polis dan tukang bersih	Watak yang dikenali (4) (3), memberi contoh-contoh bagaimana penerangan perwatakan digunakan dalam karangan (1)
9	Meneliti kekuatan dan kelemahan karangan pertama	Pelajar merujuk karangan masing-masing ketika pengkaji menerangkan kekuatan dan kelemahan dalam semua aspek yang telah diajari.	Karangan pertama	Pemarkahan secara terperinci (5), penerangan kelemahan karangan (2)
10	Penulisan karangan kedua	Soalan diberikan. Analisis dilakukan bersama kelas.	Karangan Kedua	Tema dan pengajaran bebas. (4),
11	Meneliti kekuatan dan kelemahan karangan kedua	Pelajar merujuk karangan masing-masing ketika pengkaji menerangkan kekuatan dan kelemahan dalam semua aspek yang telah diajari.	Karangan kedua	Pemarkahan secara terperinci (5), penerangan kelemahan karangan (2)

** Teknik Perancangan: 1) *modelling*, 2) *think aloud*, 3) teknik soalan ASIBIDIBAM (1H 5Ws), 4) mengadaptasi bahan pengajaran, 5) *prompts and cues*



Konteks sosial diterapkan melalui penggunaan dua buah video yang amat berbeza temanya. Video pertama iaitu satu episod Refleksi (rancangan informasi/drama) bertemakan pelajar dan bolasepak yang mengetengahkan dilema seorang pelajar antara terus aktif dalam kegiatan bola sepak atau akur pada kehendak ibu yang ingin dia memberi tumpuan kepada pelajaran. Konteks yang amat dikenali pelajar membantu mereka memahami proses pembentukan konflik dan pembinaan watak.

Karangan yang pertama berkait rapat dengan pengajaran kelas serta video kedua yang ditonton, yang membincangkan tentang *Dementia*. Rancangan tersebut berfungsi sebagai pengalaman baru yang sama bagi setiap pelajar selain sebagai suatu kawalan skop penceritaan naratif pelajar. Objektif proses penulisan ini adalah untuk melihat corak pemikiran pelajar dalam membina watak dan membentuk konflik berdasarkan pengajaran (sebelum diajarkan tekniknya). Pelajar harus menulis karangan pertama dengan ciri-ciri terkawal seperti berikut:

1. bertemakan *Dementia*;
2. mempunyai pengajaran utama yang dikehendaki oleh soalan;
3. mempunyai watak-watak yang sama seperti watak dalam video (persamaan dari segi perwatakan juga dibenarkan); dan
4. plot yang serupa sehingga bahagian konflik kecil, bahagian konflik besar dan penyelesaian bebas untuk pelajar fikirkan.

Kemudian, guru melanjutkan pengajarannya dalam bahagian (d) dan (e) iaitu pembentukan konflik kecil dan besar serta pembinaan watak dan perwatakan. Setelah selesai, pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan naratif tetapi kali ini, ciri-ciri terkawal ditiadakan. Maka itu, pelajar bebas mengaplikasi kemahiran yang telah dipelajari. Setiap karangan terkawal dan bebas dianalisis mengikut rubrik. Rubrik tersebut meneliti adanya ciri-ciri pengajaran utama dan sampingan, jumlah konflik kecil dan besar (seharusnya satu sahaja), serta mutu pembentukan watak dan perwatakan. Kemudian, dapatan bagi kedua-dua karangan terkawal dan bebas dibandingkan.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan dapatan untuk setiap instrumen kajian yang dijalankan.

Soal-Selidik Sebelum Pembelajaran Teknik

Soal-selidik yang dijalankan meneliti tanggapan pelajar terhadap tahap kebolehan mereka dalam penulisan karangan naratif serta faktor-faktor pengalaman yang mungkin telah membentuk corak pemikiran mereka. Dalam 10 orang pelajar sebagai subjek kajian, hanya seorang yang yakin dengan format penulisan naratif dan mampu menuliskannya. Yang lain tidak pasti tentang formatnya tetapi boleh cuba menuliskannya. 7 orang pelajar adakalanya menghadapi masalah memahami soalan karangan naratif manakala 3 orang pelajar tidak menghadapi masalah ini. Hanya 4 orang pelajar yang merasakan jalan cerita yang ditulis mereka menarik untuk dibaca manakala yang lain merasakan jalan cerita mereka hanya biasa-biasa atau mungkin serupa dengan cerita yang ditulis oleh pelajar lain.

Pengkaji juga mengesan watak utama yang lazim dipilih oleh pelajar untuk karangan naratif mereka. Pelajar boleh memilih lebih daripada satu pilihan respons dan dapatan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2: Ciri-ciri Watak Lazim

a) anak kecil	3	f) bangsa Melayu	4
b) remaja	7	g) bangsa lain	1
c) ibu/bapa	5	h) bekerjaya	2
d) datuk/nenek	2	i) pelajar	4
j) kakak/abang	5	j) tidak ada ciri watak tertentu	5

Pemilihan watak remaja sebagai watak utama menunjukkan kekurangan kreativiti dalam jalan cerita mereka. Idea-idea yang mereka fikirkan kerap berlegar dalam tema-tema yang dekat di hati mereka sebagai remaja. Ke kerapannya pelajar tidak memberi ciri tertentu pada watak mereka juga menunjukkan ketandusan idea dalam pembinaan watak. Soalan-soalan yang meneliti pengalaman pelajar membaca mendapati hanya 2 orang pelajar



membaca 2 buah buku dan 5 orang pelajar membaca sebuah buku dalam jangka masa setahun manakala 3 orang langsung tidak membaca buku cerita dalam bahasa Melayu. Kekurangan membaca dapat dikaitkan langsung dengan kurangnya pendedahan terhadap teknik pengolahan plot serta penceritaan. Pelajar juga disoal tentang pemilihan rancangan bahasa Melayu yang mereka tonton. Dalam 9 orang pelajar yang menonton rancangan bahasa Melayu, hanya antara 1 hingga 3 orang yang menonton rancangan nyanyian, informasi (hiburan dan pengetahuan) serta rancangan realiti. 6 hingga 8 orang pelajar suka menonton berita, drama mingguan dan tayang filem. Rancangan pilihan pelajar sebenarnya boleh mendidik mereka tentang masyarakat dan memberi pengetahuan. Namun, mereka hanya memilih rancangan-rancangan tersebut kerana meminati sifat rancangan tersebut atau kerana terasa terhibur menontonnya. Hanya 2 orang merasakan rancangan pilihan mereka berguna untuk pengetahuan mereka. Pengkaji berpendapat pelajar tidak tahu berfikir secara kritikal atau mendalam tentang rancangan yang ditonton. Jika mereka dapat merenung kandungan rancangan pilihan mereka, pasti ada unsur pendidikan dan pengetahuan yang mereka peroleh.

Analisis Karangan Terkawal dan Bebas

Kedua-dua karangan pelajar dianalisis menggunakan rubrik yang memeringkatkan keberkesanan suatu teknik yang diterapkan dalam penulisan mereka. Jadual di bawah ini menunjukkan jenis analisis yang dilakukan serta tanda [√] yang dibubuh dalam penyemakan karangan mereka. Setiap [√] akan dikira sebagai 1 mata untuk memudahkan pengiraan dan perbandingan analisis.



Jadual 3: Analisis Komponen Karangan

Jenis Analisis	Jumlah ✓ dan maksudnya			
	x	✓	✓✓	✓✓✓
Pengajaran utama	Tidak menjawab soalan	Tidak menjawab soalan sepenuhnya	Menjawab soalan dengan jelas dan lengkap	Menjawab soalan dengan lengkap dan berkesan
Pengajaran sampingan	Tiada pengajaran lain	Ada pengajaran lain tetapi tidak ketara	Ada pengajaran lain yang jelas dan lengkap	Pengajaran lain diketengahkan dengan berkesan
Konflik kecil	Tiada konflik yang jelas	Ada satu konflik yang mudah/lemah	Ada lebih daripada satu konflik yang mudah	Ada lebih daripada satu konflik yang berkesan
Konflik besar	Tiada konflik yang jelas	Konflik mudah atau lemah	Konflik yang jelas menyokong pengajaran.	Konflik yang jelas, kukuh dan menyokong pengajaran dengan baik.
Pembentukan watak melalui asosiasi:	x	✓	✓✓	✓✓✓
Rupa	Tidak digunakan untuk membina watak	Ada tetapi tidak jelas/ketara atau tidak ada kesan langsung pada penceritaan	Relevan dalam mencirikan atau menggambarkan watak	Penggunaan yang berkesan dalam penceritaan
Objek			diketengahkan dengan mudah/terang-terangan	
Aksi				Dipaparkan dengan berkesan/disulamkan dalam penceritaan

Penggunaan teknik asosiasi aksi paling banyak digunakan oleh pelajar dalam karangan pertama. Malah penggunaan asosiasi rupa dan objek hampir tidak digunakan langsung oleh kesemua 10 pelajar. Hanya pelajar C, F, G, H dan I yang telah mencapai penggunaan asosiasi aksi paling tahap 3 ($\sqrt{\sqrt{\sqrt{\quad}}}$). 8 orang pelajar didapati kini sangat yakin dengan cara menulis karangan naratif. Mereka juga yakin yang mereka tidak akan menghadapi masalah memahami soalan naratif dengan teknik yang diajarkan. Cara mereka mendapatkan idea untuk penulisan kini telah bertambah mungkin kerana didedahkan dengan pelbagai bahan pengajaran yang mempunyai ciri naratif. Yang paling penting, semua pelajar ini berasa lebih yakin menulis karangan naratif yang lebih menarik jalan ceritanya.



KESIMPULAN

Dengan menjadikan pengajaran utama sebagai satu kemestian demi memastikan soalan naratif dijawab dengan betul, dan memasukkan pengajaran sampingan untuk menjadi paksi perkembangan plot dapat membantu pelajar fokus dalam membentuk konflik dan watak yang menyokong plot. Markah isi karangan pelajar yang lebih tinggi menunjukkan adanya peningkatan dalam kualiti cerita mereka. Pelajar yang mempunyai masalah penguasaan bahasa tidak dapat memanfaatkan teknik-teknik ini sepenuhnya. Namun, keyakinan terhadap kebolehan mereka menulis karangan naratif merupakan langkah pertama untuk membina kemahiran ini ke tahap yang seterusnya.

RUJUKAN

Raminah Sabran. (2003). "Retorik Penceritaan" dlm. *Pelita Bahasa*, 7:42, Julai

Othman Puteh. (2003). "Menyemak Cerita" dlm. *Pelita Bahasa*, 10: 34, Oktober

Mana Sikana, (2013). "Pedagogi Bahasa Dan Aplikasi Teori Sastera" dlm *Berdiri Di Akar Sendiri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: ITBM

Paul Eggen & Don Kauchak,(1999). *Educational Psychology: Windows On Classrooms*

